


Serangga Perosak Pokok Koko Dewasa



Nota

Konsep 4P melibatkan pembersihan, pemangkasan, pembajauan dan penanaman hasil dengan kerap penting dalam penjagaan pokok dewasa, selain kawalan serangga mengikut kesesuaian.



1 ULAT PENGOREK BUAH KOKO (UPBK)



Larva UPBK mula menyerang buah koko seawal 3 bulan atau 7 sm ke atas. Walaupun serangan tidak mematikan pokok, namun kerugian hasil boleh mencapai 100% jika tiada kawalan dilakukan.

SIMPTOM



Biji koko dan empulur melekat keraas dengan sisa frass (najis) bertompok hitam di dalam buah

KAWALAN



Semburran racun serangga dengan bahan aktif Cypermethrin atau Deltamethrin setiap 2 minggu pada buah dan kanopi pokok atau pembalutan buah koko dengan plastik ketika putik koko berukuran sekira 9 sm panjang

2 PIANGANG NYAMUK (*Helopeltis*)

Merosakkan pucuk dan buah koko. Serangan berulang kali pada permukaan buah boleh menyebabkan buah terdedah kepada serangan Perosak Sabut Koko, serangan lain atau pun jangkitan penyakit

SIMPTOM



Luka bertompok hitam, bulat, berkerupuk dan berlindih-lindih. Dewasa dan nimfa selalu ditemui di kawasan luka baru

KAWALAN



Semburran racun serangga dengan bahan aktif Cypermethrin atau Deltamethrin setiap 2 minggu pada buah dan kanopi pokok atau pembalutan buah koko dengan plastik ketika putik koko berukuran sekira 9 sm panjang

3 PENGOREK BATANG DAN DAHAN



Beberapa spesies utama seperti *Zeuzera coffeae*, *Endoclyta sp* dan *Squamulirostris sp*. Menyerang batang, dahan dan mengganggu pengambilan air serta makanan dari akar dan pokok mungkin akan mati

SIMPTOM



Luang keluar yang jelas pada batang atau dahan dengan butiran frass membentuk galeri di kulit pokok

KAWALAN



Bahagian dahan yang diserang dipotong kira-kira 30 sm dari lubang dan dibawa keluar dari kebun serta dimusnahkan. Kawalan lain dengan suntikan racun serangga ke dalam lubang dan tutup lubang tersebut dengan tanah

4 KOYA KOKO

Terdapat beberapa spesies koya koko seperti *Plonococcus sp*, *Cataenococcus sp* dan *Ferrisia virgata* sering berada pada permukaan buah koko dan pucuk, namun jarang memberi kesan serius kepada pokok

SIMPTOM



Serangga berwarna putih yang menyelipiti permukaan buah, putik atau tangai koko. Koya sering bertindan-tindan dalam satu koloni yang besar

KAWALAN



Sekiranya serangan serius, kawalan dengan semburan racun Cypermethrin atau Deltamethrin setiap dua minggu, selain pemangkasan bagi membenarkan lebih kemasukan cahaya matahari

5 PEROSAK SABUT KOKO

Sering menjadi perosak sekunder selepas serangan *Helopeltis*. Jarang mendatangkan kerosakan kepada biji kerana hanya merosakkan kulit koko. Lebih dari dua ekor larva boleh ditemui pada sebuah buah

SIMPTOM



Butiran frass membentuk galeri hitam di luar buah koko. Jika kulit dihiris, larva sering kelihatan di dalam buah

KAWALAN



Membuang galeri di permukaan buah dan semburan racun pada buah koko dengan bahan aktif Deltamethrin atau Cypermethrin. Kawalan perlu diulangi sehingga serangan berjaya dipulihkan

Nota : Pokok koko dewasa boleh diserang pada bahagian batang, dahan, ranting serta buah. Pengawalan perlu dilakukan mengikut jenis serangga dan disesuaikan dengan teknik yang betul. Bagi serangga yang menyerang buah koko misalnya, pembalutan buah dengan plastik boleh dijalankan, selain menggunakan semburan racun serangga.